



59

MAJLIS BANDARAYA IPOH

**ARAHAN KEWANGAN BIL : 12/2015**

Rujukan : Bil (59)dlm.MBI/B1/12/1/12

Jabatan Kewangan  
Majlis Bandaraya Ipoh

4 Jun 2015

Setiausaha Bandaraya  
Timbalan Setiausaha Bandaraya  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh

Tuan / Puan,

**PEMBAYARAN SECARA BULANAN BAGI KERJA KONTRAK DAN  
KONTRAK TAHUNAN DI BAWAH KUMPULAN WANG PENYELENGGARAAN  
JALAN NEGERI (MARRIS)**

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan Pejabat Kewangan Negeri telah mengarahkan pembayaran peruntukan MARRIS bagi semua kerja kontrak dan kontrak tahunan hendaklah dibuat secara bulanan dan memastikan tuntutan bayaran tidak dibuat untuk 2 atau 3 bulan sekali seperti yang dilaksanakan sebelum ini.
3. Untuk makluman, perkara ini telah dinyatakan dengan jelas melalui Arahan Kewangan Bil 04/2015 bertarikh 6 Februari 2015, Perkara 5 (i) Pembayaran bagi kerja-kerja di bawah Kontrak Tahunan dibuat pada setiap 1 bulan.
4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan perlu memastikan setiap kerja kontrak dan kontrak tahunan yang dilaksanakan melalui peruntukan MARRIS dibayar secara bulanan bagi memastikan perancangan penggunaan peruntukan MARRIS mengikut sasaran yang telah ditetapkan.

..2/-

## ARAHAN KEWANGAN BIL : 12/2015


### PEMBAYARAN SECARA BULANAN BAGI KERJA KONTRAK DAN KONTRAK TAHUNAN DI BAWAH KUMPULAN WANG PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS)

5. Pihak Jabatan berharap pihak tuan/puan akan memastikan anggota yang terlibat mengambil maklum dan melaksanakan Arahan ini yang berkuatkuasa serta merta.
6. Oleh yang demikian, kerjasama dan tindakan semua jabatan/bahagian/unit bagi perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**'PEMBUDAYAAN INOVASI, PEMANTAPAN PRESTASI'**

Saya yang menurut perintah,

  
(DATO' HARUN BIN RAWI)  
Datuk Bandar Ipoh



"KONTINUITI INOVASI MELESTARI INSANI BERVISI"